



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Hari an
Date	11/7/2011

**SEBUTAN UCAPAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI NAJIB RAZAK PADA MAJLIS PENERANGAN PERDANA Di DEWAN MERDEKA, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC), SEMALAM**

## Petualang sebenar negara didedah

Hanya pejuang tulen sanggup berkorban pertahan maruah bangsa

**A**LHAMDULILLAH bersyukur kita ke hadirat Allah kerana hari ini kita dapat bertemu di majlis Penerangan Perdana di Dewan Merdeka PWTC anjuran Bahagian Penerangan UM-NO Malaysia. Dewan Merdeka ini telah menyaksikan banyak detik bersejarah sejak ia menjadi milik parti keramat, UMNO. Apabila kita mengimbu kembali, tentulah peristiwa yang telah berlaku dalam dewan ini sarat dengan signifikannya, dengan maknanya, banyak detik yang kita lalui dalam Dewan Merdeka PWTC. Hari ini dewan ini menjadi saksi kepada perjuangan kita, ia amat bersejarah dan amat bermakna kerana dalam dewan ini berhimpun 6,000 pejuang yang sanggup berkorban apa saja untuk mempertahankan perjuangan, maruah bangsa dan negara dari dulu sampai sekarang.

Kita tunggu bila semboyan berbunyi, kita nak bagi mesej kepada orang luar yang masih degil. Siapa dia, petualang negara, beritahu pada mereka yang di hospital, yang sedang merancang imtuk memakai pembalut leher, yang sudah pun mendapat Oscar seiring dengan Amitabh Bachchan. Baru kena sikit saja gas pemedih mata, muka, dahi sudah kerut macam kena belatal. Masuk pula dalam Youtube gambarnya, video. Malam tadi, Tan Sri Muhyiddin Yassin tunjuk saya, gambar, ooh macam sudah kena belatal. Lepas itu terlentang di hospital. Sempat lagi dengan baju kuningnya dengan pakai (tunjuk leher)...pelakon terbaik, perangai ini tidak berubah macam dulu. Dari zaman ayahanda saya sudah tipu, tahun 74, ooh ramai mati keburuan, buat demonstrasi. Zaman Tun Hussein Onn pun buat, zaman Tun Dr Mahathir (Mohamad) pun buat, lepas itu berehat sementara, negara aman beberapa tahun, berapa tahun, empat tahun. Lepas itu keluar balik, buat demonstrasi za-



NAJIB berucap pada Majlis Penerangan Perdana di Dewan Merdeka PWTC, semalam.

man Pak Lah (Tun Abdullah Ahmad Badawi), BERSIH 1, sekarang zaman saya pun buat juga.

Ambiga (S Ambiga), siapa Ambiga...who is Ambiga, konon nak menegak demonstrasi dan pilihan raya yang bersih...tak cukup bersih lagi ke...yang kata BERSIH itu bersih, puak-puak ini bersih sangatkah? Timbalannya siapa, Mohamad Sabu? Mohamad Sabu pun sama duduk dengan Anwar boleh duduk bawah sesiapa pun tak apa,

bilang nombor berapa? Ingat lagi...ada yang masih ingat? PKR (Parti Keadilan Rakyat) ini, pemilihan parti mereka bersih sangat ke, sudah baling kerusi, ada yang kena tumbuk. Datuk Zaid Ibrahim masa mula dulu hendak jadi pemimpin besar, masuk PKR, kemudian jadi calon pilihan raya Hulu Selangor, akhirnya apa...akhirnya bila nak lawan jawatan Timbalan Presiden, lawan dengan buah hati si polan itulah, bila lawan buah

hati, mestilah Datuk Zaid Ibrahim kecewa sampai dia kata kena manipulasi dalam pemilihan PKR. Dia kata bilangan hadir tidak ramai, bila keluar keputusan, lebih ramai yang hadu- mengundi, ini yang pelik, pelik bin ajaib. Rumah tangga sendiri tidak betul. Sekarang dia nak ajar kita bagaimana laksana proses pilihan raya dalam negara kita. Dia masuk dulu cerita

Newspaper	Berita Harian
Date	11/7/2011

## Demokrasi tak mati dek demonstrasi jalanan

Najib seru ahli UMNO, BN bersatu demi pertahan prinsip diperjuang sejak dulu

kata kena arsenik poison, tak cukup dengan racun arsenik pulak, injection HIV, semuanya kita buruk, kita sedahsyat-dahsyat orang kerajaan dari zaraan dulu sampai zaman sekarang. Semua buruk, dialah manusia sebaik-baiknya... Inilah jenis manusia yang kita sebenarnya berdepan dengan masalah yang berlaku semalam (kelmarin). Orang yang hendak jadi perdana menteri sanggup ketepi soal agama, bangsa, asal nafsu hendak jadi perdana menteri. Dulu maki PAS bukan main, katanya bodoh PAS ni, saya dengar... bodoh PAS ni, PAS tak ada otak, PAS tak boleh fikir, (Lim) Kit Siang "dibantai masa jadi Ketua Pemuda. Sekarang ini oohh, my friend, peluk, semua orang dia peluk, Kit Siang peluk, yang lain tak payah sebutlah... Inilah angkara yang berlaku kerana nafsu hendak jadi perdana menteri sanggup buat apa, dia tengok UMNO, BN (Barisan Nasional) baik, kalau ada pilihan raya kecil kita menang, Bagan Pinang menang, Hulu Selangor kita menang, Galas kita menang, Batu Sapi kita menang, Tenang kita menang, Merlimau kita menang, Kerdu menang, Sarawak pun kita menang, kita menang. Dia tengok, eh ini tidak boleh jadi, kalau trend macam ini, BN UMNO menang dengan pelan transformasi yang rakyat terima dengan konsep 1Malaysia, agenda reformasi dasar kita untuk berlaku adil untuk semua kaum dalam negara kita, agenda bukan Melayu diteruskan. Dia tahu kalau tidak lakukan sesuatu, kita menang dalam Pilihan Raya Umum Ke-13. Dia tahu inilah peluang terakhir bagi dirinya, bila peluang terakhir dia akan buat segala-galanya, dia buat yang terbaik sebab matlamat dia menghalalkan cara, matlamat hendak jadi perdana menteri, dia tidak kisah asal jadi perdana menteri.

Bagaimana kita hendak menghadapi ancaman seperti ini. Saya nak kita guna akal fikiran. Kekuatan kita jelas, jangan ada yang sangsi, betul tak? 6,000 di sini, ya mereka nak berhimpun, 100,000, lepas itu naik 300,000 akhirnya semalam (kelmarin), 10,000, *Malaysiakini* kata 30,000. Saya nak bagi tahu dalam dewan ini anak buah kita saja berapa. UMNO saja 3 juta lebih akhirnya, tidak payah 3 juta, kita cukup satu juta pun dah cukup, boleh tak?

Jadi janganlah kita mulakan budaya demonstrasi jalanan, jangan... kita boleh lawan. Semalam (kelmarin) kita bagi wakil kita, Ketua Pemuda turun, dia sanggup, nak ditahan polis pun tidak apa. Dia berasa duduk lokap lapan jam, *free* makan lapan jam. Kalau kita nak buat porak-peranda dalam negara kita boleh, tapi kami menyanjung prinsip undang-undang negara, kami cinta keamanan, tidak suka huru-hara dan suka kepada negara yang rakyat hidup dalam harmoni. Kita suka duduk dalam negarayang kita tahu masa depan lebih baik daripada hari ini, bukan kita hen-



ORANG ramai bersalaman dengan Perdana Menteri selepas berucap di Pusat Dagangan Dunia Putra, semalam.

dak berbalah, bukan kita nak menunjukkan kekerasan pada mana-mana pihak, tapi nak tunjuk kekuatan. Apa orang kata *silent majority*, tak membisu, kita nak tunjuk suara pada kerajaan. Jangan cuba mahu timbul huru-hara, nak kata demonstrasi, UMNOlah sebenar perjuangan demokrasi dari dulu kita tubuh kerajaan, timbul kes 13 Mei (1969). Ayah saya jadi Pengarah MAGERAN (Majlis Gerakan Negara), Pengarah MAGERAN ini ada kuasa mutlak, tidak ada siapa boleh persoal, kalau malam, Allahyarham Tun rasa nak buat undang-undang, esok boleh buat undang-undang. Kalau malam ni, dia tidur, rasa tak sedap, nak tangkap orang, dia boleh tangkap. Kalau UMNO tidak mempertahankan demokrasi, kita tidak serah kuasa kepada Parlimen, bila sampai masanya, buat apa nak serah kepada pilihan raya, kita simpan kuasa, tapi UMNO adalah parti yang berdiri atas sokongan rakyat. Ya, inilah kita, dari

dulu kita datang daripada rakyat, UMNO lahir daripada perjuangan hati nurani rakyat, UMNO wujud dalam negara, kita hormat institusi raja, sebab itu kita juga menjunjung kasih titah nasihat Sultan Johor, Sultan Pahang, Sultan Selangor, tapi kita kesal orang tidak terima nasihat Yang di-Pertuan Agong. Kita ada parti yang tahu kuasa untuk kekal di tangan kita, kita mesti menawan dan memikat hati dan minda rakyat sebab itu saya ajak kita semua pergi jumpa dengan rakyat, beritahu mereka bahawa UMNO dan BN tetap pertahan prinsip demokrasi dalam negara Malaysia kita. Jangan biar sesiapa ambil platform ini dan pastikan demokrasi dan pilihan raya bebas, bersih. Nak buka pintu undi, ada wakil pembangkang, wakil kerajaan, tunjuk satu persatu, ini boleh terima tak, dia tunjuk, kita tak payah risau, kita pilih yang kaki gaduh sikat letak situ, masing-masing boleh terima undi, begitu sekali

proses. Mana ada pengundi hantu, semua sudah ditahan, kalau ada bantahan dia tak masuk dalam senarai, ada sesetengah yang daftar, ditunjuk, dipamerkan, ada bantahan disemak balik. Ini proses kita sebab itulah apabila kita ada pilihan raya kita kerja kuat, orang kita tak tidur malam, kalau kita 'control' dan boleh manipulasi pilihan raya, takkan menteri risau, takkan kita boleh kalah lima negeri, kita tidak akan ada dua per tiga majoriti di Parlimen, takkan PAS berjaya perintah Kelantan selama 21 tahun. Sampai hari ini walaupun habuk pun tak buat apa-apa, 21 tahun dulu perintah, dengan satu kerusi saja dan memang kita kalah dua undi di Pulau Cehong. Takkan kalau kita jadi pemimpin tak boleh cari dua undi, bukan 300, 200 undi, tapi kita tak buat, di Kota Bharu tidak ada demonstrasi jalanan. Kita hormat proses demokrasi, sebenarnya mereka ini tidak hormat proses demokrasi dan undang-undang dalam negara kita.

Kalau nak buat penambahbaikan kita buat, kita sanggup buat biometrik, kalau dakwat banyak koruptor, mana ada undi pos, cuma istilah undi pos tapi undi awal, kalau undi tentera ada wakilnya yang tengok bukan pegawai tentera pangkah, ada kem kita pernah kalah pun, ada masa tentera tidak sokong kita, anggota polis pun banyak sokong kita. Saya pun turut bangga dengan apa yang polis lakukan semalam (kelmarin), yang kawal keadaan dengan profesional begitu tinggi, sampai takut orang pukul, tahan orang siap bagi orang makan sedap pula, bagi meja macam kedai kopi. Tidak pernah dalam sejarah layan tahanan macam itu,

tapi tengok gambar dalam website, dahsyat, tempat solat disediakan, tempat makan, dia boleh duduk bersantai. Itu kita tergamak kata polis zalim, kerana apa... kita nak tunjuk imej, imejnya UMNO tak takut pada pilihan yang bersih dan adil. Kalau ada masalah, kita tidak takut, kita lakukan penambahbaikan sistem, sejarah tanah air ini ada satu sejarah yang amat besar ertinya. Sebab ini satu-satunya tanah air yang kita ada. Tidak ada lagi, kita akan pertahan dalam apa jua keadaan, jangan ada yang cuba perkotak-katikan. Kita bagi peluang untuk mereka tentang kita, ada orang yang tidak setuju saya tawar stadium, jangan datang, tidak boleh, saya kata tidak apa, kita ada amalan demokrasi, kalau nak pun stadium lain tapi jangan Stadium Merdeka. Saya tidak tawar Stadium Merdeka, buatlah di negeri yang dikuasai, buatlah di Stadium Shah Alam, Kota Bharu, Pulau Pinang tapi tidak di Stadium Merdeka sebab ada simbol negara kita di situ.

Mula-mula kata kami terima titah Yang di-Pertuan Agong, kata nak batal, lepas itu 'pusing balik' sebab mereka ini jenis 'pusing balik'. Dia kata nak buat perarakan aman, tak jadi aman. Kalau polis tidak kawal semalam (kelmarin), tak aman kerana apa, nak tunjuk dunia kononnya kita kerajaan tidak demokrasi, tidak hormati undang-undang dan hak asasi manusia. Jadi tidak hairan dia sebar dalam *Youtube*, media antarabangsa kononnya kita sebuah negara tidak liberal. Kita sudah cukup liberal, tengok media online, kebanyakan bantai kita, kita tidak tutup laman web, bebas, dia kata tak cukup masa nak kempen, hari-hari kempen, kepala otak kata tidak cukup masa kempen, kempen dari Bukit Besi, Dungun lepas itu di Bandar Tun Razak, tak cukup masa lagi. Nak terbangang apa, kita buat kerja, dia kempen, tengok ini digambarkan pada dunia, berat sebelah konon tak hormati Perlembagaan. Dia nak kata surat khabar kita tidak baik, tengok surat khabar dia, Suara Keadilan, ada cerita yang baik? Dia tak apa boleh kutuk kita, lepas itu nak minta *space* dalam surat khabar kita. Sebenarnya demokrasi di Malaysia sangat sihat, yang baik, adil, dan saya sanggup lakukan penambahbaikan, saya tidak takut tubuh kerajaan dengan penambahbaikan. Saya tidak tubuh kerajaan dengan cara tidak baik. Macam mana cara nak ajar puak-puak ini, apa dia... bukan ISA, atau pun yang lain, bukan caranya. Caranya ialah untuk kita berpadu, kalau Melayu padu, kita kuat, bila kita kuat kita menang dalam pilihan raya umum. Insha-Allah, apabila kita dapat isyarat, kita akan berdepan dengan puak ini. Kita akan tengok bumi ini milik siapa. Kita nak dunia menghormati UMNO, UMNOlah parti yang paling unggul, itulah yang kita akan buktikan. Perkuatan maruah dan perpaduan, Insha-Allah kita akan berjaya dalam perjuangan kita.

Ya, inilah kita, dari dulu kita datang daripada rakyat, UMNO lahir daripada perjuangan hati nurani rakyat, UMNO wujud dalam negara, kita hormat institusi raja, sebab itu kita juga menjunjung kasih titah nasihat Sultan Johor, Sultan Pahang, Sultan Selangor, tapi kita kesal orang tidak terima nasihat Yang di-Pertuan Agong. Kita ada parti yang tahu kuasa untuk kekal di tangan kita, kita mesti menawan dan memikat hati dan minda rakyat sebab itu saya ajak kita semua pergi jumpa dengan rakyat, beritahu mereka bahawa UMNO dan BN tetap pertahan prinsip demokrasi dalam negara Malaysia kita